



JABATAN PERDANA MENTERI
BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG



bheuuipm



www.bheuu.gov.my

E-BULLETIN

EDISI MAC & APRIL 2022 BHEUU



JASAMU DIKENANG

Majlis 'Clock Out' YBhg. Datuk Haji Mohd
Rabin bin Basir, Ketua Pengarah BHEUU

MAJLIS
ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG
APC
TAHUN 2021



SYABAS DAN TAHNIAH!

Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang
Tahun 2021 Program Pengurusan
Kehakiman dan Perundangan JPM

16 MAC 2022 (RABU)

MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG TAHUN 2021 PROGRAM PENGURUSAN KEHAKIMAN DAN PERUNDANGAN JPM



Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Tahun 2021, Program Pengurusan Kehakiman dan Perundangan, Jabatan Perdana Menteri berlangsung pada 16 Mac 2022 (Rabu) bertempat di Boraombak, Putrajaya. Majlis disempurnakan oleh YB Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-Undang) manakala Jabatan Insolvency Malaysia (Mdl) merupakan hos dan mengetuai Jawatankuasa Kerja Majlis APC pada kali ini.

Seramai 152 orang penerima APC Tahun 2021 terdiri daripada warga Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang seramai 14 orang, Jabatan Bantuan Guaman (JBG) seramai 35 orang, Jabatan Insolvency Malaysia (Mdl) seramai 85 orang, Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP) seramai 8 orang, Bahagian Perlindungan (BP) seramai 6 orang, Lembaga Penasihat (LP) seramai 3 orang dan seorang pegawai daripada Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman (SPK).




Antara Ketua Jabatan yang hadir ialah YBhg. Datuk Haji Mohd Rabin bin Basir, Ketua Pengarah BHEUU, YA Dato' Mohammad Jazamuddin bin Haji Ahmad Nawawi, Ketua Pengerusi LP, YBhg. Dato' Anita Harun, Ketua Pengarah Mdl, YBr. Encik Qalam Zainuddin bin Sani, Setiausaha SPK, YBhg. Datin Rozita binti Ramli, Ketua Pengarah ILKAP, YBr. Tn. Wan Jeffry @ Wan Noor bin Kassim, Ketua Pengarah JBG, dan YBr. Encik Khairul Anwar bin Zakaria @ Abdul Hamid, Ketua Pengarah BP.

SESI LIBAT URUS BERSAMA GABUNGAN PARTI SARAWAK BERKAITAN PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG ANTI LOMPAT PARTI DAN PENGHADAN TEMPOH PERKHIDMATAN 10 TAHUN PERDANA MENTERI



Pada 2 Mac 2022, YB Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang) telah mengadakan sesi libat urus bersama Gabungan Parti Sarawak berkaitan Peruntukan Undang-Undang Anti Lompat Parti dan Penghadan Tempoh Perkhidmatan 10 Tahun Perdana Menteri. Program berlangsung di Pejabat Ketua Menteri Sarawak, Kuching ini merupakan antara agenda penting yang dimeterai dalam Memorandum Persefahaman Transformasi dan Kestabilan Politik yang dipersetujui Kerajaan dan Pembangkang.

BENGKEL PEMURNIAN MYPORTFOLIO DAN PENYEDIAAN SASARAN KERJA UTAMA (SKU)



Bengkel Pemurnian MyPortfolio dan Penyediaan Sasaran Kerja Utama (SKU) Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU), Jabatan Perdana Menteri telah diadakan dari 22 Mac hingga 23 Mac 2022 (Selasa hingga Rabu) bertempat di Dewan Saksama, BHEUU. Bengkel yang disertai oleh pegawai-pegawai dari setiap seksyen ini diadakan bagi mendedahkan pegawai BHEUU dengan tatacara penyediaan SKU yang betul dengan tunjuk ajar daripada penceramah jemputan daripada Jabatan Perkhidmatan Awam.



28-30 MAC 2022 (ISNIN-RABU)

MESYUARAT MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ) BILANGAN 1 TAHUN 2022 DAN MESYUARAT KETUA-KETUA JABATAN (MKJ) BILANGAN 1 TAHUN 2022 BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG



Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan (MBJ) Bilangan 1 Tahun 2022 dan Mesyuarat Ketua-ketua Jabatan (MKJ) Bilangan 1 Tahun 2022, Bahagian Hal Ehwal Undang-undang telah berlangsung dari 28 Mac 2022 hingga 30 Mac 2022 bertempat di Bayu Balau Beach Resort, Bandar Penawar, Johor. Mesyuarat yang dipengerusikan oleh YBhg. Datuk Haji Mohd Rabin bin Basir, Ketua Pengarah BHEUU ini dihadiri oleh wakil-wakil daripada BHEUU, Jabatan Bantuan Guaman (JBG), dan Jabatan Insolvensi Malaysia (Mdi).

30 MAC 2022 (RABU)

Pada 30 Mac 2022 (Rabu), delegasi yang terdiri daripada pegawai-pegawai BHEUU, JBG dan Mdl telah meluangkan masa menghadiri Lawatan ke Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA) yang terletak di Bandar Penawar, Johor. Lawatan tersebut diserikan dengan kata-kata aluan daripada YBrs. Puan Marlina binti Amir, Timbalan Pengurus Besar (Pengurusan) KEJORA.

Seterusnya, taklimat Pembangunan KEJORA telah disampaikan oleh Encik Mohd Hanafi bin Jantan, Pengurus Perancangan Strategik. Tambahan lagi, delegasi turut dibawa melawat Muzium Nelayan Tanjung Balau bagi melihat dengan lebih dekat sejarah penempatan asal penduduk Nelayan di Tanjung Balau.

LAWATAN KE LEMBAGA KEMAJUAN JOHOR TENGGARA (KEJORA), JOHOR



30 MAC 2022 (RABU)

LAWATAN KERJA KETUA PENGARAH BHEUU KE TAPAK PROJEK PEMBINAAN MAHKAMAH BAHARU Pengerang, JOHOR



Lawatan Kerja YBhg. Datuk Haji Mohd Rabin bin Basir, Ketua Pengarah, Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU) ke tapak Projek Pembinaan Mahkamah Baharu Pengerang, Johor telah berlangsung pada 30 Mac 2022 (Rabu). Lawatan kerja ini diadakan bertujuan untuk melihat keadaan dan ketersediaan tapak serta mendengar taklimat status semasa pelaksanaan projek pembinaan. Lawatan ini turut sama dihadiri oleh YBrs. Tuan Azhaniz Teh bin Azman Teh, Pendaftar Mahkamah Rendah Malaya, Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan (PKPMP) dan Ar. Abd Shukor bin Ismail, Arkitek Penguasa Kanan, CKBA 1, Jabatan Kerja Raya (JKR).

31 MAC 2022 (KHAMIS)

MAJLIS SERAHAN KOMPUTER ICT SEMPENA PROGRAM CSR BHEUU

Majlis Serahan Komputer ICT Sempena Program CSR BHEUU telah berlangsung pada 31 Mac 2022 (Khamis) bertempat di Lobi, Bangunan Hal Ehwal Undang-undang. Majlis yang dirasmikan oleh YBhg. Datuk Haji Mohd Rabin bin Basir, Ketua Pengarah BHEUU itu merupakan inisiatif BHEUU untuk memastikan perkakasan yang masih dalam keadaan baik dapat disumbangkan untuk kegunaan pihak-pihak yang memerlukan.



Organisasi yang terlibat adalah Pusat Asuhan Tunas Islam (PASTI), Surau Taman Rakyat, Alor Setar, Kedah, Persatuan Penduduk Taman Arked, Dengkil, Selangor, Surau Ar-Rahim, Presint 15, Putrajaya, Surau Al-Furqan, Presint 11, Putrajaya, SMK Putrajaya Presint 5(1), Putrajaya, SK Desa Pinggiran Putra, Selangor dan SMK Dato' Abu Bakar Baginda, Selangor. Turut hadir ialah Dato' Ngadenin bin Musa, wakil daripada Persatuan Penduduk Taman Arked dan Dato' Ghazali bin Hassan, wakil daripada Surau Ar-Rahim, Presint 15, Putrajaya.

1 APRIL 2022 (JUMAAT)



PUSAT MEDIASI COVID-19
JABATAN PERDANA MENTERI



MAJLIS AMANAT KETUA PENGARAH BHEUU

Pada 1 April 2022 (Jumaat), telah berlangsung Majlis Amanat Ketua Pengarah, Bahagian Hal Ehwal Undang-undang bertempat di Pusat Mediasi Covid-19, Kompleks Setia Perdana, Putrajaya. Majlis yang diadakan julung kali sejak penubuhan Pusat Mediasi Covid-19 ini disempurnakan oleh YBhg. Datuk Haji Mohd Rabin bin Basir. Turut serta ialah YBrs. Tuan Abdul Aziz bin Mohd Johdi, Timbalan Ketua Pengarah (Dasar dan Pembangunan).



7 APRIL 2022 (KHAMIS)

KURSUS PEMANTAPAN PENGURUSAN PELANGGAN DAN PENGENDALIAN MENJAWAB PANGGILAN TELEFON 2022

Pada 7 April 2022 (Khamis) Unit Komunikasi Korporat telah menganjurkan Kursus Pemantapan Pengurusan Pelanggan dan Pengendalian Menjawab Telefon 2022 bertempat di Dewan Saksama, BHEUU. Kursus yang disertai oleh 25 orang peserta ini dikendalikan oleh Encik Mohd Isa bin Jasin, Pegawai Perhubungan Awam daripada Jabatan Pembangunan Wanita, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Kursus ini diadakan untuk meningkatkan kefahaman dalam memberi layanan sewajarnya kepada pelanggan dan tatacara yang betul dan mesra ketika menjawab panggilan telefon. Selain itu, dengan penganjuran kursus ini diharapkan dapat meningkatkan kefahaman peserta kursus dalam penyampaian sistem perkhidmatan yang lebih cekap dan mesra.



11 APRIL 2022 (ISNIN)



KURSUS PENULISAN DOKUMEN RASMI KERAJAAN, MINIT MESYUARAT DAN MEMO BERKUALITI, BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG, JPM (BHEUU)

Kursus Penulisan Dokumen Rasmi Kerajaan, Minit Mesyuarat dan Memo Berkualiti telah berlangsung dengan jayanya pada 11 April 2022 (Isnin) bertempat di Dewan Saksama, BHEUU. Kursus yang dihadiri oleh 77 orang peserta terdiri daripada pegawai BHEUU, JBG, dan Mdl ini diadakan bagi memastikan semua pegawai awam dapat mengaplikasikan kaedah penulisan dokumen rasmi khususnya minit mesyuarat dan memo berkualiti berdasarkan tatabahasa Bahasa Melayu standard. Penceramah jemputan bagi kursus ini ialah Encik Muhammad Daniyal bin Abdul Kadir, Pegawai Tadbir Diplomatik daripada Unit Khidmat Pengurusan, BHEUU.

15 APRIL 2022 (KHAMIS)



MAJLIS 'CLOCK-OUT' YBHG. DATUK HAJI MOHD RABIN BIN BASIR, KETUA PENGARAH BHEUU



Pada 15 April 2022 (Jumaat), Majlis Clock-out YBhg. Datuk Haji Mohd Rabin bin Basir, Ketua Pengarah BHEUU telah diadakan bertempat di Lobi BHEUU. Majlis clock out bersama YBhg. Datuk turut dihadiri oleh YBhg. Dato' Anita Harun, Ketua Pengarah Jabatan Insolvency Malaysia (Mdl) dan YBhg. Dato' Wan Jeffry bin Kassim, Ketua Pengarah Jabatan Bantuan Guaman (JBG). Seluruh warga BHEUU mengucapkan selamat bersara kepada YBhg. Datuk Haji Mohd Rabin bin Basir.

MAJLIS PELANCARAN PELAN ANTIRASUAH BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG, JABATAN PERDANA MENTERI (BHEUU)

Majlis Pelancaran Pelan Antirasuah Bahagian Hal Ehwal Undang-undang, Jabatan Perdana Menteri telah diadakan pada 15 April 2022 (Jumaat) bertempat di Bilik Mesyuarat Perdana, BHEUU. Majlis Pelancaran Pelan Antirasuah Bahagian Hal Ehwal Undang-undang, Jabatan Perdana Menteri telah diadakan pada 15 April 2022 (Jumaat) bertempat di Bilik Mesyuarat Perdana, BHEUU. Majlis yang dihadiri oleh semua pengarah daripada setiap seksyen ini bertujuan untuk melancarkan Pelan Antirasuah BHEUU yang mampu meningkatkan keupayaan sistem penyampaian perkhidmatan, menyingkirkan potensi rasuah dalam operasi organisasi di samping menjadikan amalan integriti sebagai amalan utama di BHEUU.



22 APRIL 2022 (JUMAAT)




CERAMAH IHYA RAMADHAN “ANDAI INI RAMADHAN TERAKHIR BAGIKU”

Pada 22 April 2022 (Jumaat), Ceramah Ihya Ramadan “Andai Ini Ramadan Terakhir Bagiku” telah diadakan bertempat di Dewan Saksama, BHEUU. Program yang melibatkan pegawai daripada BHEUU, JBG, dan Mdl ini diadakan bagi mengimarahkan bulan yang penuh keberkatan serta membentuk pegawai untuk menjadi modal insan yang seimbang. Penceramah jemputan yang menyempurnakan program yang mulia ini ialah YBrs. Dr. Zaharuddin bin Abd. Rahman, seorang penceramah motivasi yang pakar dalam bidang syariah.

26 APRIL 2022 (SELASA)

PROGRAM WORLD QURAN HOUR 2022

Pada 26 April 2022 (Selasa), Program World Quran Hour 2022 anjuran BHEUU, JBG dan Puspanita Cawangan Kecil BHEUU bertempat di Surau aras 2, BHEUU. Program yang disertai 20 orang pegawai terdiri daripada BHEUU, JBG, dan Mdl ini diadakan bertujuan bagi menggalakkan membaca dan memahami Al-Quran, mengambil iktibar dan pengajaran daripada Surah yang dibaca selain memupuk perpaduan umat dalam penyatuan secara serentak. Penceramah jemputan ialah Ustaz Muhammad Rafuwan Putera bin Affendi, Imam Masjid Mahmoodiah.






JABATAN PERDANA MENTERI
PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG

Kunjungan Hormat dan Perjumpaan Bersama YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang)

3 MAC 2022 (KHAMIS)

Perbincangan Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-Undang) bersama YBhg. Tan Sri Datuk Suriyadi bin Halim Omar, Pengarah Pusat Timbang Tara Antarabangsa (AIAC) mengenai hala tuju dan Program yang dirancang oleh AIAC sepanjang tahun 2022.



29 MAC 2022 (KHAMIS)

Kunjungan Hormat H.E. Charles Hay, Pesuruhjaya Tinggi British ke Malaysia ke atas YB Menteri.



14 APRIL 2022 (KHAMIS)

Temu Ramah Wakil Berita Harian Bersama YB Menteri Di
Jabatan Perdana Menteri (Parlimen Dan Undang-Undang).



PEGAWAI BAHARU

BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG BAGI BULAN MAC DAN APRIL 2022



ENCIK AZRIL BIN WANCHIK
Pegawai Tadbir dan Diplomatik Gred M48
Tarikh lapor diri : 1 Mac 2022



PUAN NURMIZA BINTI ZAKARIA
Pegawai Tadbir dan Diplomatik Gred M48
Tarikh lapor diri : 7 Mac 2022

PEGAWAI BAHARU

BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG BAGI BULAN MAC DAN APRIL 2022



ENCIK MUHAMMAD HILMI BIN ABD SUKOR
Penolong Jurutera (Awam) Gred JA29
Tarikh lapor diri : 24 Mac 2022



ENCIK MUNISWARAN A/L GUNASERAN
Pegawai Tadbir dan Diplomatik Gred M52
Tarikh lapor diri : 18 April 2022

PEGAWAI BAHARU

BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG BAGI BULAN MAC DAN APRIL 2022



ENCIK MOHD IQBAL BIN MOHAMAD KAMAL
Pen. Pegawai Teknologi Maklumat Gred FA29 (KUP)
Tarikh lapor diri : 18 April 2022



PUAN SHARON A/P SILVERAJ
Pegawai Tadbir dan Diplomatik Gred M44
Tarikh lapor diri : 27 April 2022



JABATAN PERDANA MENTERI
BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG

PEGAWAI BERTUKAR

BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG

BAGI BULAN MAC DAN APRIL 2022



PUAN TATTY ANNA BINTI ABDUL AJAK
Penolong Akauntan Gred W29 (KUP)

Tarikh lapor diri : 18 April 2022

Jabatan Baru : Kementerian Pendidikan Malaysia



JABATAN PERDANA MENTERI
BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG

Diterbitkan Oleh:

Unit Komunikasi Korporat

Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU)
Aras 4-8, Bangunan Hal Ehwal Undang-Undang,
Presint 3, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62692 Wilayah Persekutuan Putrajaya.

Tel : 03-88851000

Faks : 03-88851062

E-mel : bheuu.korporat@bheuu.gov.my